



DASAR PRIVASI

Undang-Undang dan Peraturan

1. PENGENALAN

Herbert Smith Freehills dan pejabat, cawangan dan firma bersekutunya ("HSF" atau "kami") merupakan sebuah firma guaman antarabangsa. Layari www.herbertsmithfreehills.com/legal-and-regulatory untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai struktur dan firma kami.

Kami komited untuk memastikan bahawa apabila kami mengumpul dan menggunakan maklumat yang diberikan kepada kami atau maklumat berkenaan pelawat yang mengunjungi laman web kami (seperti yang dinyatakan di bawah), segalanya dilakukan mengikut undang-undang privasi data yang terpakai.

Dasar Privasi ini menerangkan bagaimana kami boleh menggunakan maklumat yang kami perolehi berkaitan anda. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi privacy@hsf.com.

2. SKOP DASAR PRIVASI

Dasar Privasi ini terpakai ke atas penggunaan mana-mana perkhidmatan kami, termasuk apabila anda memohon sebarang maklumat daripada kami atau menggunakan perkhidmatan undang-undang dan perkhidmatan kami yang lain, atau melalui hubungan anda dengan satu atau lebih daripada pelanggan-pelanggan kami, atau kepada mana-mana maklumat yang dikumpul daripada pihak ketiga.

Dasar Polisi ini juga terpakai kepada laman web dan perkhidmatan dalam talian kami, termasuklah yang berikut:

- herbertsmithfreehills.com (termasuk kandungan di bawah ‘sub-domain’ herbertsmithfreehills.com);
- aplikasi mudah alih kami; dan
- mana-mana laman web lain, aplikasi mudah alih atau perkhidmatan dalam talian lain yang dihasilkan atau dihoskan oleh kami dari semasa ke semasa di mana dasar privasi ini muncul,

bersama-sama, "**perkhidmatan dalam talian**" kami.

Kami mungkin perlu mengumpul maklumat tertentu daripada anda melalui perkhidmatan dalam talian kami sekiranya, sebagai contoh, anda ingin melanggan penerbitan kami, mendaftar untuk menggunakan aplikasi, memohon pekerjaan atau menyertai program alumni kami. Di samping itu, perkhidmatan dalam talian kami menggunakan ‘cookies’ dan teknologi yang serupa, seperti yang diterangkan dengan lebih terperinci di dalam Dasar ‘Cookie’ kami.

Kewajipan kerahsiaan pelanggan kami tidak dijelaskan di dalam Dasar Privasi ini tetapi sebaliknya dinyatakan di dalam terma perkhidmatan kami.

3. PENGUMPULAN MAKLUMAT

Umum

Kami akan mengumpulkan maklumat peribadi secara langsung daripada anda, daripada pelanggan atau daripada wakil-wakil yang telah diberi kuasa. Kami juga mungkin akan mengumpulkan maklumat peribadi daripada pihak ketiga seperti pihak berkuasa, majikan anda, organisasi lain yang pernah berurusan dengan anda, agensi kerajaan, agensi pelaporan kredit, agensi pekerjaan, pembekal maklumat atau perkhidmatan, rekod tersedia yang boleh diakses oleh masyarakat umum dan pihak-pihak ketiga yang dinyatakan dalam Bahagian ‘Pendedahan maklumat anda’ di bawah. Kami akan mengendalikan sebarang maklumat yang tidak diminta mengikut undang-undang, termasuk memusnahkan atau

memadam apa-apa maklumat sekiranya kami dikehendaki untuk berbuat demikian di bawah undang-undang yang berkaitan.

Kami mungkin akan mengumpulkan maklumat peribadi anda yang semasa dan maklumat peribadi anda yang lampau termasuk nama, nombor telefon, pengenalan, organisasi, pekerjaan, jawatan yang pernah disandang dan butiran pertanyaan / aduan. Kami juga mungkin akan mengumpulkan maklumat peribadi berkenaan urus niaga lain yang anda pernah jalankan dengan kami dan pelanggan kami, termasuk sebarang komunikasi melalui telefon, e-mel atau dalam talian.

Perkhidmatan Dalam Talian

Apabila anda menggunakan perkhidmatan dalam talian kami, kami mungkin mengumpulkan perkara yang berikut:

- Maklumat yang anda berikan apabila anda melengkapkan borang (ini termasuklah maklumat yang anda berikan semasa mendaftar untuk mendapatkan mana-mana perkhidmatan dalam talian kami, melanggan perkhidmatan kami, menyerahkan dokumen atau permintaan perkhidmatan tambahan);
- Maklumat yang anda berikan kepada kami jika anda menghubungi kami, contohnya untuk melaporkan masalah berkenaan perkhidmatan dalam talian kami atau mengajukan pertanyaan atau komen; dan
- Butir-butir lawatan yang dilakukan untuk menggunakan perkhidmatan dalam talian kami termasuklah, jumlah trafik yang diterima, log (termasuk, di mana ada, alamat IP dan lokasi peranti yang menghubungkan kepada perkhidmatan dalam talian dan maklumat teknikal lain dan pengecaman mengenai peranti dan jenis lawatan) dan sumber-sumber yang diakses.

Kerjaya dan Pengambilan Jika anda memohon untuk mendapatkan pekerjaan atau penempatan kerja dalam talian anda mungkin perlu memberikan maklumat mengenai latar belakang pendidikan anda, pekerjaan, latar belakang kaum dan keadaan kesihatan. Permohonan anda akan dikira sebagai satu persetujuan yang nyata bagi membolehkan kami menggunakan maklumat tersebut untuk menilai permohonan anda dan untuk membolehkan kami menjalankan apa-apa aktiviti pemantauan yang mungkin kami perlu lakukan di bawah tuntutan undang-undang sebagai majikan. Kami juga boleh menjalankan

pemeriksaan saringan (termasuk rujukan, latar belakang, pelantikan sebagai pengarah, kejujuran kewangan, identiti, kelayakan untuk bekerja, kesesuaian vokasional dan pemeriksaan rekod jenayah) dan mempertimbangkan anda untuk jawatan lain. Kami boleh membuat pertukaran mengenai maklumat peribadi anda dengan institusi akademik, perekrut pekerjaan, pembekal perkhidmatan pemeriksaan, penyedia perkhidmatan kesihatan, persatuan profesional dan perdagangan, agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang, pengadil dan majikan semasa anda dan majikan lampau. Tanpa maklumat peribadi anda, kami mungkin tidak dapat untuk meneruskan proses penilaian untuk mempertimbangkan permohonan anda untuk bekerja dengan kami.

Alumni Jika anda merupakan seorang bekas pekerja dan ingin menyertai program alumni kami, kami akan mengumpul maklumat peribadi seperti maklumat untuk menghubungi anda (termasuk alamat dan nombor telefon), maklumat mengenai pekerjaan semasa dan kelayakan profesional, butiran asas berkaitan perkhidmatan anda bersama kami dan maklumat mengenai pilihan dan penglibatan anda dengan program ini. Layari www.alumni.hsf.com untuk mengakses Hab Alumni termasuk maklumat profail anda sekiranya berkenaan.

4. KEGUNAAN MAKLUMAT ANDA

Kami menggunakan maklumat anda untuk membolehkan kami memberikan anda perkhidmatan yang lebih baik dan meningkatkan perkhidmatan semasa kami, sebagai contoh:

- Untuk memastikan kandungan perkhidmatan dalam talian kami dipamerkan dalam cara yang paling berkesan dan selamat untuk anda dan peranti serta tetapan anda;
- Untuk memberikan maklumat dan perkhidmatan secara berterusan, termasuk nasihat undang-undang yang anda minta daripada kami atau maklumat yang kami rasakan dapat menarik minat anda seperti mana yang dibenarkan di bawah undang-undang, dan untuk mengukur populariti dan keberkesanan perkhidmatan kami seperti surat berita dan jemputan seminar, dengan tujuan untuk memperbaiki apa yang kami tawarkan kepada anda dan penerima lain;
- Untuk mengekalkan dan memperkuuh hubungan kami dengan anda;
- Untuk tujuan kajian, perangkaan, pembangunan perkhidmatan, pengurusan risiko dan

keselamatan;

- Untuk mengekalkan dan mengemaskini rekod kami;
- Untuk menjalankan tanggungjawab kami susulan daripada sebarang kontrak yang dibuat di antara anda dan kami;
- Untuk memudahkan operasi perniagaan dalaman kami, termasuk untuk memenuhi keperluan undang-undang dan kewajipan profesional; dan
- Untuk membolehkan anda menggunakan atau mengakses ciri-ciri interaktif atau kawasan selamat pada laman web kami, apabila anda memilih untuk berbuat demikian.

Kami mungkin tidak dapat melakukan perkara-perkara ini tanpa maklumat peribadi anda. Sebagai contoh, kami mungkin tidak dapat memberikan perkhidmatan kami kepada anda.

Di bawah undang-undang perlindungan data yang berkenaan, kami mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa maklumat peribadi anda adalah tepat dan terkini. Oleh itu, sila maklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat anda di privacy@hsf.com.

5. PENDEDAHAN MAKLUMAT ANDA

Kami mempunyai hak pangkalan data ke atas maklumat yang dikumpul melalui perkhidmatan dalam talian kami. Kami tidak memperdagangkan atau menyewakan maklumat ini.

Sebagai sebuah firma guaman antarabangsa, untuk menyediakan perkhidmatan dan menjalankan perniagaan kami, kami boleh membenarkan pejabat, cawangan-cawangan, anak syarikat dan firma bersekutu serta pembekal perkhidmatan kami untuk mengakses maklumat anda.

Di samping itu, kami juga boleh bertukar-tukar maklumat peribadi anda dengan pihak ketiga di mana:

- Anda telah membenarkan kami untuk berkongsi maklumat peribadi anda melalui kaedah ini;

- Kami berada di bawah tuntutan undang-undang, peraturan atau tuntutan profesional untuk berbuat demikian (contohnya, untuk mematuhi keperluan anti pengubahan wang haram) atau untuk menguatkuasakan atau memohon Terma Perniagaan (atau terma pelanggan lain) atau untuk melindungi hak dan kepentingan, harta, atau keselamatan HSF, pelanggan kami atau orang lain;
- Kesemua, atau sebahagian besar aset sesuatu entiti dalam HSF digabungkan dengan atau diambil alih oleh pihak ketiga, atau kami mengembangkan atau menyusun semula perniagaan kami, di mana maklumat peribadi anda mungkin menjadi sebahagian daripada aset yang dipindahkan atau digabungkan atau kami mungkin perlu memindahkan maklumat anda kepada entiti baru atau pihak ketiga di mana perniagaan kami akan dijalankan;
- Ia adalah relevan dalam keadaan tertentu untuk mendedahkan maklumat tersebut kepada pelanggan-pelanggan kami, majikan atau tempat perniagaan anda, penasihat profesional anda dan pihak-pihak tertentu dimana kami telah mempunyai perjanjian atau sebuah aturan promosi bersama (seperti acara yang ditaja bersama);
- Kami menyediakan maklumat statistik tanpa nama mengenai pengguna laman web kami dan maklumat penggunaan yang berkaitan dengan pihak ketiga yang berwibawa termasuk penyedia analisis dan penyedia enjin carian; atau
- Kami menggunakan pembekal perkhidmatan pihak ketiga untuk menyediakan perkhidmatan yang melibatkan pemprosesan data, contohnya arkib, pengauditan, semakan rujukan, nasihat profesional (termasuk undang-undang, perakaunan, kewangan dan perundingan perniagaan), rumah mel, penghantaran, teknologi, laman web, penyelidikan, perbankan, pembayaran, hubungan pelanggan, pemprosesan data, insurans, forensik, sokongan tindakan undang-undang, pemasaran dan perkhidmatan keselamatan.

Beberapa pihak ketiga yang mana kami kongsikan maklumat peribadi anda mungkin terletak di luar negara anda atau berada di negara di mana data telah diberikan (secara kolektif "**negara asal**"), yang termasuk di negara-negara di mana HSF mempunyai pejabat (lihat "lokasi pejabat HSF "di bawah) atau di negara-negara di mana sesebuah firma yang mempunyai hubungan kesatuan atau firma sekutu kami mempunyai pejabat di negara tersebut. Meskipun pihak ketiga akan sentiasa tertakluk kepada kewajipan privasi dan kerahsiaan, anda menerima hakikat bahawa kewajipan undang-undang tersebut mungkin berbeza dan kurang ketat berbanding kehendak undang-undang privasi di negara asal. Dalam kes-kes tersebut, kami tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa undang-

undang yang terpakai di negara asal diguna pakai, dan anda mungkin tidak akan mendapat pembelaan di bawah undang-undang tersebut.

6. KESELAMATAN

Penghantaran maklumat melalui internet adalah tidak selamat sepenuhnya. Kami tidak dapat menjamin keselamatan data yang dihantar kepada perkhidmatan dalam talian kami; sebarang penghantaran adalah atas risiko anda sendiri. Setelah kami menerima maklumat anda, kami akan mengambil langkah-langkah munasabah untuk menggunakan prosedur dan ciri-ciri keselamatan untuk cuba menghalang sebarang capaian yang tidak dibenarkan, pengubahsuaian atau pendedahan. Sebagai contoh, komunikasi elektronik melalui platform web tidak selamat termasuk WeChat mungkin tidak selamat, tidak bebas virus atau tidak berjaya dihantar. Jika anda berkomunikasi dengan kami menggunakan platform web tidak selamat, anda menanggung risiko bahawa komunikasi tersebut antara kita mungkin dipintas, tidak diterima, tertangguh, rosak atau diterima oleh orang lain selain penerima yang sepatutnya.

Kami mengambil langkah yang munasabah untuk menyimpan maklumat anda dengan selamat dalam bentuk elektronik atau fizikal. Kami menyimpan kesemua maklumat anda di premis yang mana akses ke dalam premis ini dikawal atau dalam pangkalan data elektronik yang memerlukan daftar masuk dan kata laluan. Kami mengkehendaki pembekal penyimpanan data pihak ketiga kami untuk mematuhi piawaian industri keselamatan maklumat yang sesuai. Semua rakan kongsi dan kakitangan dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang mempunyai akses kepada maklumat sulit adalah tertakluk kepada tanggungjawab kerahsiaan.

Data yang kami kumpulkan daripada anda boleh dipindahkan, dan disimpan di destinasi di luar Kawasan Ekonomi Eropah. Ia juga boleh diproses oleh kakitangan yang beroperasi di luar Kawasan Ekonomi Eropah yang bekerja untuk kami atau untuk salah satu daripada pembekal kami.

Anda boleh membantu kami untuk memastikan maklumat anda selamat; sila ingat bahawa sebarang nama pengguna atau kata laluan yang berkaitan dengan laman web kami adalah khusus buat anda dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana individu lain. Anda perlu berhenti menggunakan nama pengguna dan kata laluan tersebut dan maklumkan kepada kami dengan segera jika anda mengesyaki bahawa orang lain boleh menggunakannya.

7. ‘COOKIES’

Perkhidmatan dalam talian kami menggunakan ‘cookies’ dan teknologi lain yang serupa, sebagai contoh, untuk membezakan anda daripada pengguna lain apabila anda melayari laman web kami atau menggunakan perkhidmatan dalam talian kami dan juga untuk membolehkan kami meningkatkan perkhidmatan dalam talian kami. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai jenis ‘cookie’ yang kami gunakan, tujuan penggunaan dan butiran mengenai cara untuk menghalang atau memadam ‘cookies’, sila lihat Dasar ‘Cookie’ kami.

8. LAMAN PIHAK KETIGA

Selain perkhidmatan dalam talian yang di kawal oleh pihak kami secara langsung, kami juga menggunakan dan menyediakan pautan kepada laman web yang dikawal oleh pihak ketiga, yang mungkin termasuk:

Kenexa dan cvMail, yang menggerakkan laman web kerjaya kami; CPDcast, yang menjadi hos kepada beberapa ‘podcast’ kami; Facebook, di mana kami mempunyai laman pengambilan graduan dan laman sosial yang lain; HighQ Solutions, IntraLinks dan Ansarada, yang menjana bilik data kami; Sprout Video, yang menjana penyiaran video di pada beberapa perkhidmatan dalam talian kami dan Twitter, LinkedIn dan YouTube, di mana kami mempunyai akaun dan profil Herbert Smith Freehills yang tertentu.

Jika anda menggunakan atau mengikuti pautan ke mana-mana laman web pihak ketiga, sila ambil maklum bahawa laman web ini mempunyai dasar privasi mereka yang tersendiri dan kami tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penggunaan maklumat berkenaan anda oleh pihak ketiga.

9. HAK ANDA

Beberapa perkhidmatan dalam talian kami seperti Hab Alumni (pada www.alumni.hsf.com) memberikan pengguna berdaftar keupayaan untuk terus mengakses dan mengemas kini maklumat profail tertentu.

Undang-undang privasi di sesetengah negara juga memberikan setiap individu hak untuk mengakses dan meminda maklumat peribadi mereka. Jika anda ingin meminta salinan data anda atau ingin menukar maklumat yang kami simpan mengenai anda, sila hubungi kami seperti yang dinyatakan di bawah. Kami boleh menolak untuk menyediakan akses dan

mungkin mengenakan bayaran untuk memberikan akses kepada anda jika undang-undang tersebut membolehkan kami untuk berbuat demikian, di mana kami akan menyatakan sebab-sebab bagi keputusan kami sepertimana yang dikehendaki di bawah peruntukan undang-undang.

Sekiranya anda tidak lagi berminat untuk menerima surat berita dan maklumat terkini daripada kami, sila gunakan pilihan "hentikan langganan" yang tertera dalam e-mel atau bahan lain pada bila-bila masa.

10. STATUS DASARINI

Penggunaan perkhidmatan dalam talian kami atau pemberian maklumat peribadi anda kepada kami dianggap sebagai penerimaan anda terhadap terma Dasar Privasi ini.

Teknologi dan amalan tadbir urus maklumat sentiasa membangun. Justeru, kami mungkin perlu menyemak semula Dasar Privasi ini pada masa hadapan. Oleh itu, anda perlu menyemak laman ini dengan kerap untuk memastikan bahawa anda mengetahui sebarang perubahan pada terma-termanya.

11. MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI DAN MAKLUMAT TAMBAHAN

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai entiti HSF, sila layari www.herbertsmithfreehills.com/where-we-work.

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai Dasar Privasi ini, atau ingin mengemukakan aduan bertulis mengenai cara kami mengendalikan maklumat peribadi anda, sila hubungi Pegawai Privasi kami melalui privasi@hsf.com atau hubungi pejabat HSF yang berdekatan anda.

Jika anda membuat aduan privasi, kami akan berikan maklum balas untuk memaklumkan kepada anda bagaimana aduan anda akan dikendalikan. Kami juga mungkin akan meminta anda untuk memberikan maklumat lanjut, merujuk kepada pihak lain dan menyimpan rekod aduan anda.

12. LOKASI PEJABAT HSF

Pejabat HSF dan pejabat bersekutunya terletak di Australia, United Kingdom, Jerman, Belgium, Qatar, Indonesia, Sepanyol, Rusia, Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Perancis, Korea Selatan, Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Thailand, China (termasuk Hong Kong), Singapura dan Jepun, meskipun perkhidmatan kami menjangkaui lokasi-lokasi ini. Untuk senarai terkini mengenai pejabat kami dan kawasan-kawasan utama lain di mana kami menyediakan perkhidmatan, sila kunjungi www.herbertsmithfreehills.com/where-we-work.

Kali terakhir dikemas kini: Oktober 2016.